

BERITA HARIAN

TARIKH 11 JAN 2013

11/1/13 m/s B3

Terma konsesi Lebuhraya Pantai Barat dimeterai

Kumpulan Europlus Bhd semalam mengumumkan terma konsesi utama projek Lebuhraya Pantai Barat, yang membatinkan pembangunan lebuhraya bertol dari Banting, Selangor, ke Taiping, Perak.

Anak syarikat 80 peratus milik Kumpulan Europlus, West Coast Expressway Sdn Bhd, menandatangani perjanjian konsesi dengan kerajaan pada 2 Januari lalu bagi melaksanakan projek yang menelan belanja RM6 bilion itu yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia, Kumpulan Europlus berkata antara terma utama yang dipersetujui ialah tempoh konsesi akan dilanjutkan selama 10 tahun jika persetujuan mengenai kadar pulangan dalaman (IRR) yang disasarkan tidak tercapai.

Konsesi 50 tahun

"Projek itu akan dilaksanakan pada asas bina-urus-pindah dengan tempoh konsesi selama 50 tahun dan pengiraan IRR sebenarnya ialah selama 49 tahun," katanya.

Syarikat itu berkata, kerajaan bersetuju menyediakan pinjaman sokongan kerajaan (GSL) pada kadar faedah empat peratus setahun, tertakluk kepada rundingan dan perjanjian berasingan yang akan dijalankan bersama Kementerian Kewangan.

"Sepanjang tempoh GSL, 70 peratus daripada lebih pendapatan akan digunakan untuk membayar semula atau pembayaran awal GSL.

"Selepas penyelesaian GSL, pendapatan akan dikongsi bersama pada asas 30:70 antara kerajaan dan West Coast Expressway, jika sasaran IRR tidak tercapai," katanya.

117

*